

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah pencapaian-pencapaian utama yang telah dicapai melalui Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) yang kini berada di peringkat akhir pelaksanaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara pencapaian-pencapaian utama yang telah dicapai melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN) bagi tempoh 2011 hingga 2019 adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) kepada tangga ke-28 pada tahun 2019, iaitu kedudukan terbaik yang dicapai setakat ini;
- (ii) Meningkatkan sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK negara sebanyak 88.3% daripada RM26.6 bilion kepada RM50.1 bilion;
- (iii) Meningkatkan eksport makanan negara sebanyak 65.9% daripada RM20.5 bilion kepada RM34.0 bilion;
- (iv) Mencapai tahap sara diri (SSL) bagi beberapa komoditi melebihi 100% termasuk daging ayam / itik dan telur ayam / itik. SSL bagi ikan dan buah-buahan juga melebihi 75%; dan
- (v) Membangunkan lebih daripada 6,700 orang agropreneur muda melalui Program Agropreneur Muda.

2. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang dalam proses menyediakan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) yang akan menilai semula status pencapaian bagi industri padi dan beras, tanaman, ternakan dan perikanan untuk merangka hala tuju baharu bagi industri-industri tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
[BAGAN DATUK]**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [ BAGAN DATUK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Syarikat Penerbangan Nasional mampu bertahan dalam krisis ekonomi kesan daripada pandemik COVID-19 dan apakah bentuk bantuan yang disalurkan kepada mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Kesan COVID-19 terhadap industri penerbangan secara global adalah amat buruk dan Syarikat Penerbangan yang beroperasi di Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak daripada penularan pandemik ini. Malaysia Airlines misalnya, kini beroperasi dengan kira-kira 75% daripada pesawatnya tidak dapat diterbangkan akibat sekatan perjalanan, dan turut menyaksikan kapasiti dan pendapatannya terjejas.
  
2. Pada masa ini, Kerajaan tidak terlibat dalam apa-apa pelan menyelamatkan (*bail out*) mana-mana syarikat penerbangan komersial termasuk memberi pinjaman atau jaminan kepada Air Asia selaras dengan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 13 Oktober 2020.

Sekian, terima kasih.